

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2021 SIRI 2
MENGENAI AKTIVITI JABATAN, PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
DAN PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI PULAU PINANG**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan bagi buku LKAN Tahun 2021 Siri 2 mengenai Aktiviti Jabatan, Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri dan Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Pulau Pinang. LKAN ini melaporkan tiga tajuk pengauditan, iaitu satu tajuk di bawah pengauditan prestasi mengenai aktiviti jabatan, satu tajuk berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan negeri dan satu tajuk mengenai pengauditan pematuhan jabatan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Aktiviti Jabatan Kerajaan Negeri

a. Aktiviti Pengurusan Pemberimilikan Tanah Negeri Pulau Pinang

i. Pencapaian Output

- Pencapaian output diukur berdasarkan analisis trend kelulusan permohonan pemberimilikan tanah dan bukannya prestasi. Ini adalah disebabkan, sasaran bilangan permohonan pemberimilikan tanah tidak boleh ditetapkan oleh PDT sebaliknya bergantung kepada permohonan yang diterima.
- Bagi tempoh tahun 2018 hingga 2021, keseluruhan permohonan pemberimilikan tanah yang diterima oleh lima PDT ialah 567. Daripada jumlah tersebut, bilangan permohonan pemberimilikan tanah yang diluluskan untuk diberi milik ialah 349 (61.6%) manakala 218 (38.4%) permohonan pemberimilikan telah ditolak, ditangguh dan sedang diproses. Bilangan permohonan yang diluluskan di tiga PDT yang diaudit ialah 273.
- Analisis Audit terhadap 244 sampel di tiga PDT mendapati sebanyak 156 kelulusan telah diberi oleh PBN melibatkan 102 (65.4%) permohonan daripada jabatan/agensi Kerajaan, 31 (19.9%) daripada individu dan 23 (14.7%) kepada pihak swasta.
- Semakan Audit terhadap 156 daripada 244 sampel fail permohonan yang diluluskan oleh PBN mendapati 98 (62.8%) hak milik telah dikeluarkan. Jabatan/agensi Kerajaan merupakan penerima hak milik yang tertinggi iaitu sebanyak 77 hak milik, individu sebanyak 13 hak milik dan pihak swasta sebanyak lapan hak milik.

ii. Pencapaian Keberhasilan

- Pencapaian keberhasilan dinilai berdasarkan status guna tanah yang telah diberi milik sama ada tanah telah dibangunkan atau diusahakan mengikut syarat kelulusan dalam tempoh yang ditetapkan.
- Lawatan Audit pada 28 Jun 2022 hingga 25 Ogos 2022 mendapati 11 (55%) daripada 20 permohonan yang telah dikeluarkan hak milik bagi tujuan perindustrian dan bangunan telah diusahakan atau dibangunkan mengikut kelulusan/syarat nyata. Baki sembilan (45%) daripada 20 permohonan yang telah dikeluarkan hak milik tidak mengusahakan/membangunkan tanah mengikut kelulusan.

iii. Pengurusan Aktiviti

Penemuan utama Audit bagi aspek pengurusan aktiviti adalah seperti berikut:

- Bagi tempoh tahun 2018 hingga 2021, kutipan hasil premium pemberimilikan tanah bagi lima PDT berjumlah RM377.80 juta.
- Dua daripada 70 sampel lawatan Audit mendapati berlaku pelanggaran syarat nyata dan sekatan kepentingan. Pelanggaran syarat ini menyebabkan pengurangan hasil kepada Kerajaan negeri kerana sejumlah RM2.10 juta bayaran premium tidak dikenakan sebaliknya hanya sejumlah RM233,290 premium dikutip oleh Kerajaan negeri.
- 16 sampel lawatan Audit yang telah diluluskan pemberimilikan tanah tetapi telah luput tempoh bayaran 5A mendapati aktiviti guna tanah tanpa kebenaran berlaku di lahan lot tanah Kerajaan.
- Tujuh daripada 18 tanah yang telah ditolak permohonannya telah diceroboh. Selain itu, dua daripada lima permohonan tanah yang sedang diproses dan satu permohonan ditangguh juga telah digunakan tanpa kebenaran.
- 73 (29.9%) daripada 244 permohonan telah lewat menyediakan Kertas Mesyuarat JKTN berbanding tempoh ditetapkan dalam Piagam Pelanggan di tiga PDT.

iv. Syor Audit

- Syor Audit yang diberikan oleh Ketua Audit Negara ialah lima syor.

1.2. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

a. PICEB Sdn. Bhd. (PCEB)

- i. Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan ialah objektif penubuhan syarikat telah dicapai; pengurusan aktiviti dari segi prestasi aktiviti promosi, sokongan acara perniagaan dan pembangunan industri adalah memuaskan; tadbir urus korporat kurang memuaskan; dan kedudukan kewangan pada tahap stabil.
- ii. Penemuan Audit bagi pengurusan aktiviti syarikat adalah seperti berikut:
 - PCEB telah menjalankan 41 daripada 85 sasaran promosi dan menyertai sembilan daripada lapan sasaran pembidaan bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Julai 2022.
 - Pencapaian *Estimated Economic Impact* (EEI) berjumlah RM1.664 bilion bagi 4,158 acara perniagaan.
 - Pelaksanaan aktiviti promosi *roadshow* di India dan *tradeshow* di London menyumbang EEI berjumlah RM18.90 juta dan RM161 juta.
 - Pentadbiran kontrak pelantikan *Professional Conference Organizer* dan ejen kurang memuaskan.
 - Kelulusan 125 daripada 142 permohonan yang diberikan sokongan acara perniagaan tidak direkodkan.
 - Penetapan kadar yuran penyertaan 152 rakan industri yang berdaftar dengan PCEB tiada dalam SOP.
 - Aktiviti syarikat tidak selari dengan Perlembagaan.
- iii. Enam daripada lapan amalan Tadbir Urus Korporat tidak diamal sepenuhnya.
- iv. Kedudukan kewangan PCEB berada pada tahap stabil kerana mencatat keuntungan sebelum cukai pada tahun 2019, 2020 dan 2021.
- v. Syor Audit yang diberikan oleh Ketua Audit Negara ialah lima syor.

1.3. Pengauditan Pematuhan Jabatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

a. Perolehan Penyenggaraan dan Pembaikan Taman Botani

- i. Perolehan penyenggaraan dan pembaikan di Jabatan Taman Botani Pulau Pinang (Taman Botani) melibatkan semakan Audit berjumlah RM351,524 atau 63 arahan pembayaran. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- ii. Pecah Kecil Perolehan Perkhidmatan Penyenggaraan Pokok berjumlah RM95,600
 - 10 bayaran perolehan perkhidmatan penyenggaraan pokok termasuk sewaan jentera telah dibuat secara pembelian terus yang sepatutnya dibuat secara sebut harga berjumlah RM95,600.
- iii. Pecah Kecil Perolehan Kerja Penyenggaraan dan Pembaikan Pavilion berjumlah RM27,272
 - dua perolehan kerja penyenggaraan dan pembaikan di pavilion berjumlah RM27,272 telah dibuat secara pembelian terus yang sepatutnya dibuat secara sebut harga.
- iv. Syor Audit yang diberikan oleh Ketua Audit Negara ialah dua syor.